

Headline	215 atlet UiTM rebut anugerah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	407,786
Page No	51	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	351 cm ²
Journalist	Mohd Amin Jalil	AdValue	RM 12,963
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,890



215 atlet UiTM rebut anugerah

■ Khairulnizam, Muzlifah turut tersenarai

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Anugerah Sukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2013 dijangka sengit apabila penerima 2012 iaitu jaguh perahu layar dan menembak kebangsaan, Khairulnizam Mohd Afendy dan Muzlifah Zulkifli, sekali lagi dicalonkan untuk menerima anugerah berkenaan.

Mereka antara 215 atlet daripada pelbagai jenis sukan disenaraikan merebut anugerah itu yang akan diadakan di UiTM Shah Alam, esok.

Pegawai Sukan Pusat Sukan UiTM Shah Alam Shahrin Ismail berkata, se-

lain Khairulnizam dan Muzlifah, atlet lain turut tersenarai adalah Siti Norzabaidah Che Ab Wahab (sepak takraw wanita), Faizah Firdaus Fauzi (kayak), Fazilah Sylvester Silin (hoki), Fatin Nurfatehah Mat Salleh (memanah), Nor Amirah Hamid (perahu layar) dan Hanis Farhana Shamsul Azizan (futsal).

Katanya, selain itu Muhd Arif Zulhilmi (olahraga), Mazlie Daham (mendayung), Muhammad Noor Solihin Mustafa (bola baling), Anwarul Hafiz Ahmad (ragbi), Meor Muhammad Azuan Hassan (hoki),

Jonathan Ding Sagan (tenpin bowling), Zubair Asyraf Nor Azmi (kriket), Saiful Ridwan Selamat (bola sepak) dan Ali Mahat (futsal).

“Sebanyak 13 kategori anugerah bakal diberikan kepada atlet dan pegawai yang sudah mempamerkan kecemerlangan dalam bi-

dang sukan masing-masing sepanjang tahun lalu.

“Anugerah dipertandingkan adalah olahragawan, olahragawati, emas, perak dan gangsa universiti, kelab cemerlang, pengurus cemerlang, jurulatih cemerlang, tokoh sukan UiTM dan tokoh sukan alumni serta penghargaan khas universiti,” katanya.

Headline	215 atlet UiTM rebut anugerah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	407,786
Page No	51	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	351 cm ²
Journalist	Mohd Amin Jalil	AdValue	RM 12,963
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,890



“Sebanyak 13 kategori anugerah bakal diberikan kepada atlet dan pegawai”
Shahrin Ismail

KHAIRULNIZAM (kanan) dan Muzlifah sekali lagi bakal bersaing merebut anugerah olahragawan dan olahragawati UiTM.